

P.U. (A) 112/2016

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA 1993

PERINTAH SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA (PINDAAN JADUAL 1) 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 159A Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 [*Akta 498*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan Jadual 1) 2016**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 27 April 2016.

Pindaan Jadual 1

2. Bahagian 1 Jadual 1 Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 dipinda dengan menggantikan perenggan (*f*) dengan perenggan yang berikut:

“(f) seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan yang ditetapkan di bawah seksyen 212 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau seseorang yang ditetapkan sebagai suatu institusi kewangan Islam yang ditetapkan di bawah seksyen 223 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;”.

Dibuat 21 April 2016

[KK/SID/P/(S)/483/669/4(SK.7); PN(PU2)523/IV]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH

Menteri Kewangan Kedua